

# SELAGI SUKARNO MEMERINTAH NEGARA INDONESIA AKAN HANCUR?

Kapal-kapal dari Rusia yang datang ke Jakarta penuh dengan alat-alat  
untuk menghapuskan pemberontak- pemberontak

(oleh: Wakil Khas Kita)

Empat buah kapal Rusia telah tiba di Jakarta. Kapal-kapal itu dihantar berpokok kepada rancangan menggantikan kapal Belanda tetapi tidak menjadi rahsia lagi bagi orang-orang di Jakarta, menurut apa yang disampaikan, bahawa kapal-kapal itu berisi senjata-senjata berat dan ringan dalam rancangan untuk membantu kerajaan pusat Indonesia menghapuskan orang-orang yang tidak berpuas hati dengan kerajaan pusat yang disokong oleh Komunis! Sukarno yang sekarang dapat tegak berdiri tidak lain dan tidak bukan adalah dengan sokongan Komunis!

Cara-cara Sukarno memerintah sekarang, melaksanakan tujuannya, adalah mencampurkan dua cara pemerintahan – fasis dan Komunis. Hal ini dapat dibuktikan dengan tidak amannya hidup pemimpin-pemimpin yang membangkang dasar-dasar Sukarno di Jakarta. Pemimpin-pemimpin yang berani bercakap menentang Sukarno setiap hari mereka menerima telefon dengan ugutan-ugutan akan diculik atau akan ditembak.

Apabila terjadi persidangan penuntut-penuntut yang berjuang baik, tidak berpihak ke mana-mana, hendak mencari rundingan dan jalan keluar dari perang saudara maka esoknya tiap-tiap anggota yang hadir disiasat polis termasuk di dalamnya Dr Bahadur Johan. Beliau berkali-kali dipanggil polis tentera kerana hadir di persidangan itu yang bertujuan hanya mencari jalan damai di antara kedua-dua pihak. Akhirnya terberita Dr Bahadur Johan diculik! – oleh siapa?

Menurut kebiasaan di Jakarta bahawa jika seseorang

ditangkap oleh polis tentera umpamanya masih ada harapan untuk mencari di penjara mana atau di tempat mana orang itu ditahan. Ini masih boleh diselidiki.

Tetapi di sebalik polis tentera ada lagi barisan pemuda-pemuda yang dipersenjatanya yang dalam tiap-tiap saat akan “menculik atau mengambil seseorang” yang tidak atau orang-orang yang dipandang menghalang segala tujuan dan maksud Sukarno. Nyawa tiap-tiap pemimpin di Jakarta sebenarnya di dalam bahaya – tidak senang tidur dan tidak senang duduk sehingga ada setengahnya yang tidak sanggup tinggal di ibu kota.

Ini ialah salah satu daripada cara Sukarno kerana tidak menjadi perkara rahsia lagi bahawa banyak-banyak pemuda yang dibelanjai oleh Sukarno untuk digunakan berbuat dengan sekehendaknya melakukan sesuatu untuk mempertahankan kedudukannya sebagai kepala negara yang sepatutnya telah tiba saatnya untuk diadakan pemilihan.

Di sebalik itu, Sukarno menggunakan pula cara-cara memujuk setengah-setengah pemimpin dengan menggunakan apa daya pun untuk menyampaikan hasrat dan tujuannya.

Di antara pemimpin-pemimpin Masyumi yang pro kepadanya ialah Dr Sukimin beserta dengan Yusuf Wibisono.

Sukimin telah pernah mengiring Sukarno ke negara Komunis dan telah terasa oleh lingkungan Masyumi sendiri bahawa Sukimin telah kena pengaruh Sukarno.

Hal ini lebih-lebih terbukti lagi apabila dalam sidang pucuk pimpinan Masyumi, Sukimin beserta Tuan Yusuf Wibisono menuntut supaya Natsir, Sjafruddin Prawiranegara dan Burhanuddin Harahap yang sekarang berada di Padang dipecat dari anggota Masyumi. Usul keduanya ini telah dibantah dengan keras oleh anggota-anggota lain, terutamanya Mr Kasman Singodimedjo yang dengan air mata menyebut bahawa: adalah menjadi rahmat Tuhan kepada umat Islam mempunyai pemimpin-pemimpin seperti ketiga-tiga mereka itu.

Apa yang dikatakan Kasman memang benar. Natsir – siapa yang tidak mengenal peribadi Natsir yang tidak mementingkan dirinya – hidupnya di dalam keadaan yang serba sederhana dan sulit sedang pemimpin-pemimpin dari parti lain mewah – cukup mewah.

Siapa yang tidak mengenal Burhanuddin Harahap? Tatkala ia menjadi Perdana Menteri kerana menghadiri majlis-majlis rasmi terpaksa meminjam baju temannya kerana ia tidak hidup dengan mewah – hidup di dalam keadaan yang sama dengan rakyat – sedang pemimpin-pemimpin lain mewah kerana mereka itu menjadi kepala korupsi untuk kesenangan dirinya.

Inilah contoh-contoh kebanyakan pemimpin-pemimpin Masyumi. Tidak asing bagi orang-orang yang mengetahui

bahawa begitulah keadaan pemimpin-pemimpin Masyumi yang bekerja untuk rakyat. Profesor Abdul Kahar Muzakkar yang menjadi ketua Masyumi di Yogyakarta dan menjadi anggota perlembagaan (konstituanti) tatkala pergi keluar negeri baharu-baharu ini hampir-hampir tidak ada sehelai baju coat yang dibawanya – ia meminjam kepada teman-teman dan kenalannya. Tetapi kalau pemimpin-pemimpin parti lain tentu sebaliknya.

Hal ini sebagaimana jika dibandingkan dengan Sukarno sendiri! Wah tentu jauh benar perbandingannya. Kerana kelurusan dan kerana kejujuran pemimpin Masyumi bekerja untuk faedah rakyat itulah mereka tidak dapat berjuang maju di dalam menghadapi suasana sedang parti-parti lain, dalam masa mereka memegang tampuk pemerintahan terus menerus mengambil harta negara untuk kemajuan parti dan tidak kurang untuk diri sendiri.

Sekarang sesudah kedudukan Masyumi, terutama di Jawa lemah, maka baharulah sebahagian daripada pemimpin-pemimpin itu insaf bahawa di dalam menghadapi Sukarno tidak boleh lagi mengikuti dasar ((selalu berdamai)) tetapi mesti tegas – negara Islam tidak boleh terdiri di Indonesia dengan jalan perlembagaan selagi Sukarno menjadi ketua negara yang berbuat sebagai diktator fasis – melakukan perbuatan sewenang-wenang kepada sesiapa yang menghalang cita-cita dan kemahumannya.

Sukarno mengetahui bahawa ia tidak akan mendapat sokongan daripada parti Islam, terutamanya Masyumi. Masyumi dipandang sebagai penghalang cita-citanya kerana Masyumi sahaja parti yang berani, berterang-terang menghalang langkah-langkah Sukarno sekalipun mereka itu mengetahui mereka akan menghadapi bahaya.

Untuk menegakkan perdirianya, supaya kukuh

(bersambung ke muka 37)

Mengenai kekerasan hati ibunya pernah ‘AbduLlah ibn Zayd anaknya berkata: ((Lengan kiriku telah luka ditetak musuh dan darah mengalir dengan tidak berhenti-henti. Rasulullah (SAW) bersabda: ((Ikat dahulu lukamu)). Kemudian datanglah ibuku membawa bungkusan ubatnya dan dibalutnya luka tanganku sedang Nabi berdiri tegak memandangu. Setelah selesai lukaku dibalutnya maka ibuku berkata: Bangun anakku, mari kita serbu musuh! Mendengar ucapan ibuku ini Rasulullah bersabda pula: Siapakah yang mempunyai jiwa waja seperti yang engkau punyai, ya Ummu ‘Umārah?))

Beginilah jiwa wanita Islam yang telah dipenuhi oleh roh tauhid! Terus berjuang, berjuang membela agama Allah di dalam medan yang dikelilingi oleh maut – Di medan yang penuh bermandikan darah dengan berpantang undur walau setapak pun! Hidupnya dan matinya hanya untuk Allah – tujuan perjuangannya untuk syahid membela junjungan Muḥammad (SAW). Mereka mati apa, namun Muḥammad jangan hapus di medan perang oleh tentera musuh – cita-cita Islam mesti dihidupkan dan diperjuangkan sehingga kepada darah syahid yang terakhir.

(bersambung)

---

(sambungan dari muka 30)

tempatny berdiri, ia menghampiri dan mengharap sokongan Komunis kerana di dalam partinya sendiri P. N.I. sokongan kepadanya telah lemah sebab di sana telah tumbuh orang-orang yang tadinya boleh dilakukannya sekehendak hatinya – sekarang ini telah berpaling tadah – setengah-setengah sudah tidak mahu lagi mengambil bahagian yang penting di dalam perjuangan kerana melihat dengan mata sendiri

sekalipun orang-orang mereka salah, telah melanggar undang-undang namun orang itu masih dipertahankan kedudukannya oleh Sukarno.

Hal-hal ini tidak asing lagi kepada umat di seluruh dunia. Pemerintahan cara fasis telah berdiri di Indonesia. Peristiwa tentera Chut Champa di Aceh masih dikenang orang. Peristiwa tentera Sukarno menyiat-nyiat daging orang yang masih hidup masih terbayang lagi – dan demikianlah akan berlaku seterusnya selagi Sukarno memerintah. Pemimpin hidup mewah – rakyat kelaparan – kelaparan di daerah-daerah Cirebon dan Jawa Tengah bermaharajalela terutamanya di dalam kekurangan kapal sesudah ia menghidupkan masalah Irian Barat; dan kapal-kapal yang diterimanya dari Rusia – tidak membawa beras untuk menjauhkan kelaparan rakyat di Jawa tetapi, tidak menjadi perkara rahsia lagi, telah membawa senjata, senjata untuk membunuh saudara-saudaranya sebangsa Indonesia yang menghendaki supaya pemerintahan di Indonesia disusun mengikut dasar yang utama supaya rakyat hidup aman dan makmur – tidak menderita seperti sekarang – hidup di bawah jambatan – melarat dan menderita sedang sebalik itu komunis dihidupkan dan penjajahan Jawa ke daerah dijalkan yang di dalamnya dalam mengadakan pemindahan dari Jawa dibawa orang-orang Komunis sehingga di dalam daerah-daerah itu sendiri kelak akan dilitupi oleh Komunis yang ertinya apabila kelak Komunis berkuasa di seluruh Indonesia maka keselamatan umat Islam akan berbahaya – mereka akan menjadi orang-orang buruan dan seumpamanya.

(bersambung)